



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	25/8/2021 (RABU)	MUKA SURAT	:	7
JABATAN	:	JUPEM			

Tak kongsi data peribadi pesakit

HM, 25 Ogos 2021, Z

Kuala Lumpur: Data aplikasi *geofencing* yang diperolehi Pasukan Bertindak Khas atau dikenali sebagai *Greater Klang Valley Special Task Force* (GKV STF) bagi memantau pergerakan pesakit Covid-19 kategori satu dan dua yang diarah menjalani kuarantin di rumah, hanya akan dikongsi kepada pihak berkuasa sahaja.

Komander Bersama GKV STF, Brigadier Jeneral Dr Mohd Arshil Moideen berkata, data peribadi pesakit Covid-19 itu diberi kepada peringkat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri dan Daerah untuk tujuan pemantauan.

Beliau berkata, data peribadi berkenaan tidak akan dikongsi mana-mana pihak ketiga kerana aplikasi itu dibangunkan sendiri oleh Bahagian Geospatial Pertahanan, Angkatan Tentera Malaysia.

"Dari segi data perlindungan, ia akan bergantung kepada keputusan Sidang MKN (Majlis Keselamatan Negara). Kita akan bantangkan dua pilihan kepada MKN iaitu dengan mendapatkan kebenaran pesakit dahulu.

"...dan jika pesakit Covid-19 enggan menggunakan aplikasi itu, kita akan hantar mereka ke pusat kuarantin manakala pilihan kedua adalah MKN mewajibkan mereka menggu-

nakan aplikasi berkenaan jika enggan berbuat demikian," katanya di sini, semalam.

Beliau berkata, MKN hanya akan mewajibkan semua pihak menggunakan aplikasi itu hanya ketika dalam tempoh bencana sahaja kerana data berkenaan tidak dikongsi kepada pihak lain dan ketika ini keputusan untuk mewajibkan penggunaan aplikasi berkenaan kepada pesakit Covid-19 kategori satu dan dua sedang menunggu kelulusan MKN.

"Aplikasi *geofencing* ini masih dalam projek rintis selama seminggu sebelum ia dikuatkuasakan oleh MKN mengenai penggunaannya dan kami masih mengujinya secara dalaman," katanya.

Mengulas lanjut, Dr Mohd Arshil berkata, mereka yang positif Covid-19 dan menjalani kuarantin di rumah akan diwajibkan memuat naik aplikasi berkenaan di telefon bimbit serta keberadaan mereka.

"Ini bermakna, pergerakan mereka yang dikuarantin di rumah dipantau melalui aplikasi berkenaan dan pihak polis akan mengambil tindakan undang-undang jika pesakit didapati keluar dari rumah atau melebihi radius yang ditetapkan," katanya. - Bernama